Aktiviti 4

Lengkapkan cerita, kemudian persembahkannya.

Sang Burung Hantu Penjaga Ladang

sekumpulan　ketawa　gembira

membela　memikirkan　membeli

Pada suatu hari, Mak Cik Rokiah berasa sangat sedih. Buah sawit di ladangnya sering dirosakkan tikus.

"Rokiah, mari kita _____ burung hantu. Tentu tikus takut akan burung hantu sebab namanya burung hantu," kata Pak Cik Ramli kepada isterinya.

Keesokan harinya, Pak Cik Ramli _____ dua ekor burung hantu. Nama burung hantunya ialah Sang Hantu Besar dan Sang Hantu Kecil.

Pada suatu petang, _____ tikus sedang merosakkan setandan sawit.

Tiba-tiba, "Lari...lari! Sang Hantu Besar dan Sang Hantu Kecil datang," jerit seekor tikus.

"Ha...ha...ha...," semua tikus lain _____. Mereka tidak lari kerana mereka _____ tikus itu hanya bergurau.

"Tidak ada Sang Hantu Besar dan Sang Hantu Kecil di bumi ini. Kamu jangan menipu kami," kata mereka.

Akhirnya, semua tikus itu mati kerana dimakan oleh burung hantu. Mak Cik Rokiah dan Pak Cik Ramli berasa _____ .

Nota Guru

- Minta murid mempersembahkan cerita.

4.3.2 (ii)
BT2: 52

LIVEWORKSHEETS